Bahasa Melayu
Kertas 2
2010
Mei
1 ¼ jam

ANGKA GILIRAN

JABATAN PELAJARAN

NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

CANANG 1

BAHASA MELAYU – PENULISAN

012

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi tiga bahagian : Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.
2. Kamu dikehendaki menjawab ketiga-tiga bahagian .
3. Bagi Bahagian B, kamu boleh memilih sama ada menjawab Soalan 1, Soalan 2, atau Soalan 3.
4. Jawapan hendaklah ditulis pada ruang yang disediakan. Sekiranya ruang jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan. Helaian tambahan (jika ada) hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas soalan.

Kod Pemeriksa:		
Bahagian	**No.Soalan**	**Markah**
A		
B		
C		
JUMLAH		/ **60**

KERTAS INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK.

BAHAGIAN A

[10 markah.]

[Masa yang dicadangkan : 15 minit]

Tulis **lima** ayat yang lengkap tentang gambar di bawah.



Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus. **SULIT**

Bahagian A

10

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

BAHAGIAN B

[30 markah]

[Masa yang dicadangkan : 40 minit]

Pilih salah **satu** *daripada tajuk-tajuk di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya* **tidak kurang daripada 80 patah perkataan.**

1. Cuti sekolah akan bermula. Ceritakan cara-cara kamu menggunakan masa cuti dengan sebaik-baiknya.

ATAU

2. Kamu terpilih sebagai peserta pertandingan syarahan.Tajuk syarahan kamu ialah "Kebaikan Belajar Secara Berkumpulan".

   Tulis syarahan kamu selengkapnya.

ATAU

3. Tulis sebuah karangan yang bertajuk perayaan yang pernah kamu sambut bersama-sama keluarga.

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

Bahagian B

No. Soalan	

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

30

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

BAHAGIAN C

[20 *markah*]

[*Masa yang dicadangkan :* 20 *minit*]

Tulis **lima** *pengajaran yang boleh kamu dapati daripada petikan di bawah.*

Panjangnya jawapan kamu mestilah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.
Tulis jawapan kamu dalam satu perenggan.

Pada zaman dahulu, dalam sebuah hutan tinggal seekor anak singa bersama-sama ibunya di dalam sebuah gua. Anak singa tidak mempunyai kawan kerana sikapnya yang sombong. Dia sentiasa bermegah diri kerana berasakan dirinya kuat.

Pada satu hari, seperti biasa anak singa berjalan-jalan seorang diri. Tiba-tiba dia ternampak seekor anak monyet sedang memakan pisang dengan enaknya. Anak singa menghampiri anak monyet lalu merampas pisang tersebut dan dibawanya lari. Anak singa ketawa terbahak-bahak kerana dapat mempermain-mainkan anak monyet. Anak monyet balik sambil menangis. Ibu monyet menyuruh anaknya bersabar kerana setiap perbuatan pasti mendapat balasannya.

Esoknya, seperti biasa anak singa berjalan-jalan sendirian di tepi kolam. Anak singa menjengukkan wajahnya ke permukaan kolam dan berasa bangga melihat bayangan dirinya yang gagah. Tiba-tiba kakinya tergelincir lalu terjatuh ke dalam kolam.

Anak singa meronta-ronta kerana tidak pandai berenang. Anak monyet yang sedang bermain di celah-celah dahan segera datang. Tanpa berlengah-lengah lagi, anak monyet segera terjun ke dalam kolam untuk menyelamatkan anak singa. Anak singa berasa sungguh terharu atas pertolongan anak monyet yang baik hati itu. Dia sangat menyesal kerana mempermain-mainkan anak monyet selama ini.

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

Bahagian C

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.

KERTAS SOALAN TAMAT

20

Hak Cipta Terpelihara©Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan Darul Khusus.